

13/03/2000

Pokok Sena namakan Mahathir, Abdullah

ALOR STAR, Ahad - Umno bahagian Pokok Sena mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing sebagai calon Presiden dan Timbalan Presiden dalam persidangan perwakilannya hari ini.

Keputusan pencalonan Dr Mahathir dan Abdullah dipersetujui sebulat suara oleh 477 perwakilan.

Berikutan keputusan itu, semua tiga daripada 15 bahagian Umno Kedah yang telah mengadakan persidangan setakat hari ini mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT) supaya tidak ada pertandingan untuk kedua-dua jawatan berkenaan.

Dua bahagian yang sudah bersidang ialah Sik dan Padang Terap. Bagi jawatan Naib Presiden, perwakilan sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Dr Rais Yatim.

Antara 25 calon MT pula ialah Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Affifudin Omar, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Seri Annuar Musa, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Ibrahim Ali dan Datuk Megat Junid Megat Ayub.

Sementara itu berlaku sedikit kekecohan mengenai senarai pencalonan perwakilan ke perhimpunan agung apabila perwakilan mempersoalkan ketiadaan nama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Fadzil Hanafi yang juga Adun Tanjung Seri.

Bagaimanapun, Ketua Umno bahagian Ahmad Lebai Sudin dan Setiausaha bahagian Muhamad Fauzi Ariffin memberi penjelasan bahawa jawatankuasa tidak memasukkan nama Fadzil kerana masalah keahlian Fadzil dalam bahagian.

(END)